

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN
&
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN
AHLI-AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG
SESI 2008/2009
PADA HARI RABU, 22 OKTOBER 2008, PUKUL 8.30 PAGI
DI BILIK MESYUARAT SENAT, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

SALUTASI

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Berbahagia Profesor Dr. Rosli bin Mohd. Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Jalil bin Borham,
Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni;

Yang Berbahagia Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim,
Pendaftar;

Yang Berbahagia Encik Zainudin bin Othman,
Bendahari;

Yang Berbahagia Tuan Haji Ruslan bin Che Pee,
Ketua Pustakawan;

Profesor-profesor, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Yang Dipertua dan Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMP Sesi 2008/2009;

Saudara Salman bin Razeni,
Mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP Sesi 2007/2008;

Wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

dan Salam Sejahtera.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Taala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, maka saya dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan di sini pada pagi ini.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Profesor Dr. Abdul Jalil bin Borham kerana telah menjemput saya untuk menyempurnakan penyerahan watak pelantikan kepada ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMP Sesi 2008/2009 dan seterusnya menyaksikan lafaz ikrar MPP yang baharu serta simbolik penyerahan tugas daripada mantan kepimpinan MPP 2007/2009 kepada kepimpinan MPP yang baharu.
3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar yang telah dipilih sebagai Ahli MPP UMP yang baharu melalui proses pemilihan yang telus dan demokratik. Kelancaran dan kelicinan proses pemilihan MPP pada 16 Oktober 2008 yang lalu adalah berkat kerjasama semua pihak di Universiti ini, khususnya komitmen yang telah ditunjukkan oleh Suruhanjaya Pemilihan MPP yang telah dipengerusikan oleh Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Syabas saya ucapkan.

MEREALISASIKAN KEPERCAYAAN

4. Penyerahan watakah pelantikan pada pagi ini adalah simbolik kepercayaan Pihak Pengurusan Universiti dan mandat pelajar terhadap Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2008/2009. Kepercayaan dan mandat yang diberikan ini amatlah besar ertinya dan perlu digalas dengan penuh keikhlasan dan kejujuran. Kepercayaan dan mandat ini adalah pengiktirafan terhadap kepimpinan anda sekalian.

5. Justeru pada kesempatan ini saya menyeru Majlis Perwakilan Pelajar 2008/2009 supaya memainkan peranan yang berkesan sebagai medan penghubung antara Pihak Pengurusan Universiti dengan para pelajar. Untuk merealisasikan kepercayaan yang telah diberikan oleh majoriti pelajar dan Pihak Pengurusan Universiti, MPP 2008/2009 hendaklah bertindak secara profesional dalam kerangka perancangan yang terarah secara strategik.

6. Dalam bukunya *The Benchmark*, mantan Hakim Mahkamah Agung Malaysia, Tan Sri Harun Mahmud Hashim menyatakan bahawa "*varsity education is more than just getting a degree.*" Peluang untuk menduduki tempat dalam Majlis Perwakilan Pelajar hendaklah dianggap sebagai suatu cabaran dan kewajipan dan bukannya keistimewaan atau *privilege*. Kewajipan menuntut ketelusan dan akauntibiliti dan melalui platform MPP,

anda sekalian belajar untuk menjadi lebih bertanggungjawab dan pada masa yang sama mempelajari selok-belok kepimpinan dalam erti kata yang sebenarnya. Inilah masanya untuk anda sekalian belajar bermasyarakat dan memimpin para pelajar Universiti ini untuk turun ke lapangan masyarakat. MPP perlulah memastikan bahawa projek khidmat komuniti perlu digerakkan secara konsisten dan bukannya bermusim. Masih banyak lagi isu, masalah dan realiti masyarakat di luar sana yang masih belum diteroka dan sebagai pimpinan pelajar, ini adalah cabaran buat anda kerana pelajar sepatutnya menjadi jurubicara atau *spokesperson* kepada masyarakat.

7. Oleh yang demikian, dengan profesionalisme gerak kerja, kematangan tindakan dan kepintaran perancangan, saya percaya Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2008/2009 mampu merealisasikan kepercayaan dan mandat yang telah diberikan ini. Cabaran yang terbesar bagi anda adalah untuk melakukan yang lebih baik dalam kepimpinan, bukan sekadar meneruskan apa yang telah sedia anda. Buah fikiran dan sumbangsaran anda diperlukan untuk membawa UMP ke arah kecemerlangan. Sebagai pimpinan pelajar, anda sekalian perlulah berupaya mengemukakan cadangan dan pandangan yang konstruktif, bernas, *viable* dan *presentable* untuk dipertimbangkan oleh Pihak Pengurusan Universiti.

FUNGSI DAN PERANAN MPP

8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Kepimpinan yang disandarkan kepada keutamaan atau *priorities* akan menatijahkan perancangan, pengurusan dan output yang berkesan. Sebagai medium antara para pelajar dengan Pihak Pengurusan Universiti, MPP hendaklah mengambil perhatian yang serius terhadap lima peranan dan fungsi utamanya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 53(6), Perlembagaan UMP iaitu:

- (i) untuk memupuk semangat hidup sebagai suatu persatuan di kalangan pelajar-pelajar UMP;
- (ii) tertakluk kepada arahan Naib Canselor, untuk merancang dan menyelia kemudahan-kemudahan kebajikan pelajar di UMP termasuk kemudahan-kemudahan rekreasi, aktiviti-aktiviti kerohanian dan keagamaan, dan bekalan dan minuman;
- (iii) untuk membuat representasi kepada Naib Canselor tentang segala perkara berhubungan atau berkenaan dengan keadaan tempat tinggal dan kehidupan pelajar UMP;

- (iv) untuk diwakili dalam mana-mana badan yang boleh, mengikut kaedah-kaedah yang dibuat oleh Lembaga Pengarah UMP bagi maksud itu, dilantik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan pelajar di UMP; dan
 - (v) untuk menjalankan apa-apa aktiviti lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UMP dari semasa ke semasa.
9. Peruntukan di atas perlu difahami sebagai kerangka yang menetapkan perimeter peranan dan fungsi MPP. Namun demikian, sesuai dengan falsafah dan nilai teras Universiti ini yang menggalakkan inovasi, kreativiti dan semangat pro-aktif, MPP UMP mempunyai peranan yang besar, khususnya dalam membantu dan menyokong usaha Universiti ini merealisasikan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2008-2010.
10. Sehubungan dengan itu, MPP boleh dilibatkan dalam perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar dan perancangan Universiti, khususnya yang menyentuh kepentingan pelajar secara umumnya bagi mendapatkan output yang lebih berkesan. Musyawarah atau *consultation* bersama MPP akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklum balas langsung daripada para pelajar dan suasana dunia hari ini memerlukan kita mengiktiraf dan dan meraikan peranan MPP sebagai

elemen penting dalam sesebuah Universiti, apatah lagi selepas pindaan Akta Universiti & Kolej Universiti atau AUKU kelak.

PENGHARGAAN KEPADA MANTAN MPP 2007/2008

11. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan Pihak Pengurusan UMP terhadap mantan Majlis Perwakilan Pelajar UMP Sesi 2007/2008 yang diterajui oleh Saudara Salman bin Razeni di atas komitmen dan kerjasama yang telah ditunjukkan. Saya percaya, pengalaman berharga yang telah diperolehi sepanjang tempoh jawatan sebagai Ahli MPP menjadikan anda individu yang lebih matang dan rasional serta bersedia memimpin sekurang-kurangnya diri anda sendiri bagi menghadapi cabaran alam kerjaya dan realiti kehidupan suatu hari nanti.

PANDUAN KEPIMPINAN KEPADA MPP 2008/2009 DAN KATA PENUTUP

12. Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menggariskan 12 prinsip kepimpinan yang diutarakan oleh Greg Thomas, penulis buku 52 *Leadership Tips* sebagai panduan kepada MPP 2008/2009 iaitu:

- (i) *The Right Visionary Goals;*
- (ii) *Continuous Education;*
- (iii) *Maintaining Your Health;*
- (iv) *Driven to Achieve*
- (v) *Tap into Your Resources!*
- (vi) *Dealing with The Disappointments;*
- (vii) *A Life in Balance;*
- (viii) *Simple Diversions;*
- (ix) *Meaningful Relationships; dan*
- (x) *Know Thyself.*

13. Prinsip-prinsip yang digariskan di atas bolehlah diwacanakan dengan lebih mendalam untuk membantu anda sekalian merancang kepimpinan untuk tempoh satu tahun yang akan datang. Selamat maju jaya.

14. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan MPP UMP 2008/2009 dan marilah kita sama-sama berdoa agar Allah Taala terus melimpahkan rahmat perlindungan-Nya kepada Universiti ini dan memberi kita kekuatan untuk membawa UMP ke arah kecemerlangan, Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.